
 <p>UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS اونيورسيتي شنديديقن سلطان ادريس SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY</p>	<p>SENARAI SEMAK PANEL PENILAI AUDIT PEMATUHAN PROGRAM AKADEMIK (APPA TAHUN 2021)</p>	 <p>Bahagian Pengurusan Kualiti Universiti Pendidikan Sultan Idris</p>
---	--	---

I. SEMAKAN MAKLUMAT DALAM BAHAGIAN B (*PROGRAMME DESCRIPTION*)

II. SEMAKAN MAKLUMAT DALAM BAHAGIAN C (*PROGRAMME STANDARDS*)

AREA 1 (*PROGRAMME DEVELOPMENT AND DELIVERY*), *there are 25 questions and statements related to the 17 standards.*

- 1) Matlamat, objektif (*Programme Educational Objectives-PEO*) dan hasil pembelajaran program (*Program Learning Outcome-PLO*) perlu selari dan mengambil kira visi dan misi Universiti.
- 2) PEO membolehkan graduan menyumbang kepada masyarakat dan industri serta boleh dinilai dalam tempoh lima (5) tahun selepas pelajar bergraduat.
- 3) Penulisan PLO perlu memenuhi keperluan MQF 2.0 yang mencakupi lima (5) kluster dan lapan (8) domain:-

Kluster	Domain
KLUSTER 1	<i>Knowledge and Understanding</i>
KLUSTER 2	<i>Cognitive skills</i>
KLUSTER 3	<i>Functional Work Skills: Practical skills</i>
	<i>Functional Work Skills: Interpersonal and Communication Skills</i>
	<i>Functional Work Skills: Digital and Numeracy Skills</i>
	<i>Functional Work Skills: Leadership , Autonomy and Responsibility</i>
KLUSTER 4	<i>Personal and Entrepreneurial Skills</i>
KLUSTER 5	<i>Ethics and Professionalism</i>

- 4) Semak ketepatan pemetaan PLO ke PEO.
- 5) Semak ketepatan pemetaan PLO ke domain MQF. Setiap PLO sebaiknya dipetakan kepada satu (1) atau (2) domain MQF sahaja.
- 6) Semak kesesuaian komponen program dan nilai kredit kursus yang diperuntukkan. Pastikan struktur yang dikemukakan tidak tersasar jauh daripada peratus yang ditetapkan bagi setiap komponen (Berikut merupakan contoh keperluan berdasarkan Standard Program **Pendidikan** bagi tahap **Sarjana Muda**. Panel dimohon untuk merujuk kepada Standard Program yang disemak bagi program yang dinilai :-

	Course Classification	Credit Value	Percentage (%)	Remarks
1.	<i>Compulsory courses</i>	12 – 18	10 - 15	<i>Please refer to MOE's and HEP's Policies.</i>
2.	Education foundation	21 – 30	17 - 25	<i>Please refer to pages 7-11 of the text for body of knowledge details.</i>
	<i>Discipline core</i>	34 – 43	28 - 36	<i>School Subject Content or Specialization.</i>
	<i>Professional Practice</i>	8 – 14	7 - 12	<i>Attachment at relevant workplace.</i>
3.	<i>Electives</i>	18 – 21	15 - 18	
	<i>Related to discipline*</i>			
	<i>Open**</i>	9 – 12	7 - 10	
Total Credit Value		120	100	

Note:-

- * *Compulsory courses/modules refers to Mata Pelajaran Umum (MPU) and other courses required by the HEP.*
- ** *Core courses also include faculty common courses.*
- *** *Provide information on major including double major if applicable.*
- **** *Optional/elective courses refer to courses where students can exercise choice.*

- 7) Semak jadual kursus-kursus yang ditawarkan dalam program (terutama pembahagian mengikut semester dan nilai kredit terlibat).
- 8) Semak Pro Forma Kursus. Penulisan Pro Forma Kursus perlu dibuat secara dwi bahasa.
- 9) Kriteria berikut ialah sebagai panduan semakan Pro Forma Kursus:-

CLO dan PLO

- a) Penulisan CLO menyatakan pengetahuan kemahiran, sikap atau kemampuan utama yang akan pelajar peroleh.
- b) Di hujung CLO perlu dituliskan domain dan PLO berkaitannya (cth: (C2, PLO1)).
- c) CLO perlu menggunakan kata kerja yang sesuai dengan domain dan sejajar dengan PLO yang disediakan.
- d) Domain kognitif merujuk kepada tahap pemikiran tertinggi yang boleh dicapai.
- e) Domain afektif merujuk kepada kemahiran atau sikap yang melibatkan ekspresi idea, perasaan, kepercayaan dan nilai, sikap beretika, professional serta pembelajaran sepanjang hayat.
- f) Domain psikomotor merujuk kepada kemahiran fizikal, pembuatan, hasil kraf, lukisan, aktiviti sukan, pengendalian peralatan dan kompetensi khusus.
- g) CLO perlu mempunyai konsep SMARTO (*specific, measurable, attainable, realistic, time frame dan observable*).
- h) Kesemua CLO akan dipetakan kepada PLO yang berkaitan dengan CLO berkenaan.
- i) Setiap kursus akan menangani di antara tiga (3) hingga empat (4) CLO (formula umum bilangan CLO = jam kredit + 1).
- j) Setiap CLO sebaiknya dipetakan kepada satu domain pembelajaran sahaja
- k) Setiap CLO dimulakan dengan kata kerja tindakan (contohnya menulis, membina, membincangkan, menyelesaikan)

KAEDAH PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN (PdP), STUDENT LEARNING TIME (SLT) dan PENILAIAN

- a) Kaedah pembelajaran dan pengajaran (PdP), *student learning time (SLT)* dan penilaian perlu disesuaikan dengan CLO yang dinyatakan (contohnya jika CLO menyatakan domain 'komunikasi', sewajarnya kaedah PdP yang disenaraikan bukan hanya secara 'kuliah' dan penilaian yang diletakkan bukan seperti 'kuiz').
- b) Jumlah jam pembelajaran pelajar (SLT) bagi setiap tajuk perlu bersesuaian dengan pemberatan penilaian bagi setiap CLO yang dinyatakan.
- c) Bagi *Continuous Assessment* dan *Final Assessment*, peratus penilaian perlu diselaraskan dengan SLT yang dinyatakan dalam proses PdP.
- d) Peruntukan SLT dalam penilaian perlu realistik dan selaras dengan peratus penilaian dan SLT dalam PdP.
- e) Rujukan perlu mengikut format APA (Maklumat dalam Pro Forma tidak dapat ditunjukkan secara *italic*, maka aspek itu diabaikan buat masa ini).
- f) Maklumat tambahan boleh mengambil kira perkara seperti:-

- i. Jadual pelaksanaan aktiviti makmal, ladang
- ii. Perancangan lawatan akademik/*field work*
- iii. Jadual *field work*
- iv. Tajuk/tarikh amali

AREA 2 (ASSESSMENT OF STUDENT LEARNING), there are 18 questions and statements related to the 11 standards.

- 1) Semak penetapan kaedah penilaian dalam penilaian formatif dan sumatif daripada segi kepelbagaian, pemberatan dan cakupan.
- 2) Sepatutnya pelbagai kaedah dan instrumen diguna pakai untuk menilai hasil pembelajaran dan kompetensi yang ditetapkan.

AREA 3 (STUDENT SELECTION AND SUPPORT SERVICES), there are 29 questions and statements related to the 20 standards.

- 1) Semak kriteria pemilihan pelajar (syarat kemasukan).
- 2) Semak kaedah penilaian dan pelaksanaan bagi kemasukan yang memerlukan ujian khas.

AREA 4 (ACADEMIC STAFF), there are 25 questions and statements related to the 11 standards.

- 1) Semak senarai staf akademik yang terlibat dalam program yang dinilai. Pastikan kelayakan staf akademik bersesuaian dengan kursus yang dikendalikan.
- 2) Pastikan staf akademik tidak mengendalikan lebih daripada empat (4) kursus dalam program yang sama.

AREA 5 (EDUCATIONAL RESOURCES), there are 21 questions and statements related to the 10 standards.

- 1) Maklumat umum sumber pendidikan sudah dinyatakan. Mohon disemak jika terdapat sumber/keperluan khusus yang tidak dinyatakan dalam dokumen.

AREA 6 (PROGRAMME MANAGEMENT), there are 21 questions and statements related to the 16 standards.

- 1) Semak maklumat tentang carta organisasi Fakulti. Pastikan terkini.
- 2) Semak maklumat tentang kesesuaian Ketua Jabatan/Penyelaras program.
- 3) Pastikan maklumat tentang pegawai dan staf sokongan di Fakulti turut dimasukkan.

AREA 7 (PROGRAMME MONITORING, REVIEW AND CONTINUAL QUALITY IMPROVEMENT), there are 12 questions and statements related to the 9 standards.

- 1) Semak sama ada terdapat Jawatankuasa Kualiti di Fakulti. Maklumat tentang fungsi jawatankuasa ini perlu dinyatakan.

Nota:

MQF	<i>Malaysian Qualification Framework</i>
PEO	<i>Programme Educational Objectives</i>
PLO	<i>Programme Learning Outcomes</i>
CLO	<i>Course Learning Outcomes</i>
SLT	<i>Student Learning Time</i>